

BIBLIOGRAPHIC INFORMATION

Title	Warganegara Asing dan Kemiskinan di Malaysia
Source	http://phuakl.tripod.com/pssm/conference/day143.doc
Author 1	Norinah Mohd Ali
Author 2	NA
Author 3	NA
Publication/Conference	4th International Malaysian Studies Conference; 3-5 August 2004, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Edition	NA
Document Type	Article
CPI Primary Subject	Labour
CPI Secondary Subject	Migrant Worker; Poverty ;
Geographic Terms	Malaysia;
Abstract	This article explore the relationship between migrant worker and poverty rate in Malaysia.

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Pusat Iniatif Polisi

政策倡议中心

<http://www.cpiasia.org>

PEKERJA ASING DAN KEMISKINAN DI MALAYSIA

Norinah Mohd Ali

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi,

Selangor

nira@pkrisc.cc.ukm.my

Saya mendapat Ijazah Pengurusan Perniagaan dalam bidang Kewangan dari University of Arkansas at Little Rock, USA pada tahun 1995. Seterusnya mendapat Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Malaya dalam tahun 2002. Sekarang, bertugas di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, UKM sebagai Pegawai Penyelidik Sosial dan juga sedang mengikuti pengajian Doktor Falsafah di Fakulti Ekonomi, UKM.

PEKERJA ASING DAN KEMISKINAN DI MALAYSIA

1. Pendahuluan

Usaha membasmi kemiskinan telah menjadi teras pembangunan kerajaan sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 lagi. Masalah kemiskinan akan terus menjadi isu dan persoalan penting bagi dasar dan strategi pembangunan ekonomi dan sosial bagi jangkamasa selepas 2004. Ini termasuklah usaha-usaha yang akan dilakukan seperti yang diumumkan baru-baru ini oleh Datuk Mustapha Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bahawa Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan mengkaji semula definisi kemiskinan.

Kemiskinan daripada sudut ekonomi, ditakrifkan sebagai keadaan kekurangan daripada pendapatan minimum yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas untuk makanan, pakaian, tempat perlindungan dan kemudahan asas. Ukuran statik ini adalah berasaskan kepada pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang mengukur taraf hidup yang dianggap mencukupi untuk menampung kehidupan yang selesa. PGK merupakan ukuran mutlak yang memisahkan golongan miskin dan bukan miskin. Secara umum, kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kekurangan daripada PGK.

Secara kasarnya, pada tahun 1990, pekerja asing menyumbang sebanyak 7.3% kepada bilangan isirumah miskin di Malaysia. Berdasarkan pada jadual 5, pekerja asing menyumbang sebanyak 12.6% dan 17.5% pada bilangan isirumah miskin keseluruhan pada tahun 1995 dan 1997. Walaubagaimanapun, oleh kerana ramai pekerja asing dihantar pulang ke negara asal semasa krisis kewangan dahulu, sumbangan mereka kepada kemiskinan di Malaysia turun kepada 14.2% pada tahun 1999 (Ragayah, 2002b).

Kertas ini merupakan draf untuk melihat sejauhmana sumbangan pekerja asing terhadap peratusan kemiskinan di Malaysia. Oleh kerana pekerja asing menunjukkan peratusan yang signifikan dalam bahagian kemiskinan, ianya perlu dibincangkan untuk melihat lebih mendalam sumbangan mereka terhadap kemiskinan di Malaysia.

2. Kemasukan Pekerja Asing ke Malaysia

Kemasukan pekerja asing ke dalam ekonomi negara bertambah terutamanya dalam masa dua dekad ini. Dari pertengahan tahun 70an ke pertengahan tahun 90an, saiz pekerja asing bertambah mencecah 1.7 juta (atau 21.25%) daripada keseluruhan jumlah pekerja iaitu 8 juta pada tahun 1997 (Bank Negara Malaysia, 1997). Sebagai contoh, pertumbuhan pekerja asing pada sektor perkilangan (jadual 2), pada dekad 90 an sahaja, pertumbuhan pekerja asing adalah 10 kali ganda (dari 1.78% pada tahun 1988 kepada 16.35% pada tahun 1997).

Kemasukan jumlah pekerja asing yang tinggi ke Malaysia adalah berdasarkan keadaan ekonomi negara ini. Pada tahun 1987 hingga 1993 sahaja, 14 juta pekerjaan baru dicipta di Malaysia dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.9% berbanding dengan kadar

pertumbuhan pekerja tempatan iaitu sebanyak 3.1% sahaja. Jurang ini, seperti yang dinyatakan oleh *World Bank*, akan diisi oleh pekerja asing, (World Bank, 1995).

Dengan keadaan kekurangan buruh atau pekerja di Malaysia, juga perbezaan gaji atau upah yang besar di antara pasaran buruh di Malaysia dan di negara asal pendatang, ini sudah cukup untuk menjadi sebagai faktor tarikan pendatang asing masuk ke Malaysia. Majoriti datangnya dari Indonesia, dimana gaji mereka adalah 3 hingga 10 kali lebih rendah dari di Malaysia (World Bank, 1995).

Menurut jadual 1, Asia Tenggara menyumbang sebanyak 91.93% daripada jumlah kemasukan pendatang asing ke Malaysia dalam tahun 1992. Di antara negara-negara di Asia Tenggara, Indonesia merupakan penyumbang terbesar iaitu seramai 309,905 orang pekerja ataupun 83.24% daripada keseluruhan pekerja asing di Malaysia. Ini diikuti oleh Thailand iaitu seramai 22,518 orang pekerja (6.05%). Bangladesh pula merupakan negara ketiga terbesar sekaligus penyumbang terbesar dari benua Asia Selatan iaitu sebanyak 5.05% daripada 8.02% keseluruhan benua Asia Selatan.

Pada tahun 1992, di dalam sektor pembinaan, Indonesia mendahului dengan sumbangan sebanyak 182,137 orang pekerja. Ini diikuti pula oleh Bangladesh iaitu seramai 16,247 orang pekerja dan Myanmar seramai 8,790 orang pekerja. Di sektor perladangan pula, Indonesia menyumbang sebanyak 88,681 orang pekerja dan diikuti oleh Thailand sebanyak 14,029 orang pekerja.

Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 1988, 10,242 pekerja asing diambil untuk berkerja di sektor perkilangan (lihat jadual 2). Pada tahun 1990, kadar pertumbuhan pekerja asing adalah ketara iaitu 40.8%, jauh menandingi pertumbuhan pekerja tempatan yang hanya 20.8% sahaja. Hanya sejak pada tahun 1991, sektor perkilangan telah dibenarkan untuk mengimpor pekerja asing sebagai operator pengeluaran.

Jadual 2

. Kadar Pertumbuhan Pekerja Asing, Sektor Perkilangan 1988-1999

Tahun	Asing	% Pertumbuhan	Tempatan	% Pertumbuhan	% Asing pada Tempatan
1988	10,242		585,404		1.78
1989	11,835	15.6	683,213	16.7	1.73
1990	16,660	40.8	925,108	20.8	1.80
1991	21,151	27.0	952,896	15.5	2.22
1992	33,534	58.5	997,752	4.7	3.36
1993	71,822	114.2	975,720	2.2	7.36
1994	108,065	50.5	1,114,032	14.2	9.70
1995	142,330	31.7	1,226,695	10.1	11.60
1996	204,968	44.0	1,227,248	0.0	16.70
1997	196,383	-4.2	1,201,787	-2.1	16.35
1999	179,402	-8.6	1,167,754	-2.8	15.36

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Sepanjang tahun 90an, kadar pertumbuhan pekerja asing menandingi kadar pertumbuhan pekerja tempatan. Pada tahun 1993, kadar pertumbuhan pekerja asing meningkat lebih sekali ganda daripada tahun sebelumnya, manakala kadar pertumbuhan pekerja tempatan turun sekali ganda. Pekerja asing terus mencatatkan kadar pertumbuhan sehinggalah tahun 1996 iaitu sebanyak 44.0%. Semasa krisis kewangan melanda negara pada tahun 1997, kehilangan pekerjaan adalah lebih dirasai oleh pekerja asing berbanding dengan pekerja tempatan.

Di dalam kategori pekerjaan pula, melalui jadual 3 boleh dilihat pada tahun 1990, pekerja asing kebanyakannya adalah golongan professional. Namun begitu, boleh diperhatikan bahawa pekerja asing separuh mahir dan kurang mahir bertambah saban tahun dari 1990 sehingga 1997. Walaubagaimanapun, ianya turun sedikit pada tahun 1999 kerana krisis.

Jadual 3.

Peratusan Pekerja Asing dalam Tenaga Buruh di Sektor Perkilangan, 1990-1999 (%)

	1990	1995	1996	1997	1999
Profesional	11.8	11.1	11.2	6.7	8.1
Bukan-Professional	4.0	3.8	3.2	2.5	2.6
Teknikal dan Penyeliaan	0.7	1.3	1.5	1.5	1.4
Kerani dan Berkaitan	0.2	0.3	0.4	0.4	0.7
Am	1.4	2.6	5.2	4.7	4.4
Pekerja Pengeluaran:					
Mahir	0.6	6.4	10.8	9.6	10.0
Separuh Mahir	3.0	13.5	17.2	19.0	18.0
Tidak mahir	2.6	18.8	25.3	25.7	23.5

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

3. Kadar dan Corak Kemiskinan

Kadar kemiskinan di Malaysia di anggarkan dari asas pendapatan garis kemiskinan. Data pendapatan yang digunakan untuk menganggarkan kadar kemiskinan di Malaysia diambil dari Penyiasatan Pendapatan Isirumah (*Household Income Survey*) yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pendapatan garis kemiskinan di Malaysia di anggarkan berdasarkan kepada keperluan minimum isirumah terhadap tiga komponen utama iaitu makanan, pakaian dan alas kaki, dan lain-lain perbelanjaan bukan makanan seperti bahan api, sewa rumah, perabut dan kelengkapan rumah, penjagaan dan perbelanjaan peubatan dan kesihatan, pengangkutan dan perhubungan, perkhidmatan rekreasi, pendidikan dan kebudayaan. Untuk komponen makanan, perbelanjaan minimum adalah berdasarkan keperluan harian sebanyak 9,910 kalori untuk sekeluarga berjumlah 5 orang. Manakala keperluan minimum untuk pakaian dan alas kaki pula berdasarkan kepada penetapan piawaian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk rumah-rumah kebajikan. Pada barangan yang bukan makanan pula adalah berdasarkan kepada tahap perbelanjaan isirumah berpendapatan rendah seperti yang dilaporkan dalam Penyiasatan Pendapatan Isirumah. Pendapatan

garis kemiskinan dikemaskini setiap tahun untuk mencerminkan perubahan dalam tingkat harga dengan mengambil kira perubahan dalam Indeks Harga Pengguna.


Jadual 4
Pendapatan Garis Kemiskinan 1987-2002

	1987	1993	1995	1997	1998	1999	2002
Semenanjung	RM350	RM405	RM425	RM460	RM493	RM510	RM529
Sabah	RM533	RM582	RM601	RM633	RM667	RM685	RM690
Sarawak	RM429	RM495	RM516	RM543	RM572	RM584	RM600

Sumber : Utusan Malaysia 4hb Mei 2004, mukasurat 15

Pendapatan garis kemiskinan pada tempoh 1987 hingga 2002 boleh dilihat di dalam jadual 4. Pendapatan garis kemiskinan (PGK) diambil berdasarkan purata saiz isirumah sebanyak 4.6 di Semenanjung Malaysia, 4.9 di Sabah dan 4.8 di Sarawak (Malaysia, 2000). Pada tahun 1998, pendapatan garis kemiskinan bagi Semenanjung ialah RM460, manakala bagi Sabah sebanyak RM633 dan Sarawak sebanyak RM543. Pada tahun 2002 pula, pendapatan garis kemiskinan bagi Semenanjung ialah RM529, bagi Sabah ialah RM690 dan Sarawak ialah RM600. Pendapatan garis kemiskinan menunjukkan peningkatannya setiap tahun. Rajah 1 menunjukkan Sabah mempunyai tingkat PGK yang lebih tinggi, diikuti oleh Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Rajah 1 : Pendapatan Garis Kemiskinan



Malaysia telah mencapai rekod yang baik dalam membasmi kemiskinan. Untuk keseluruhan Malaysia, kadar kemiskinan telah turun dari 52.4 % pada tahun 1970 kepada 8.1% pada tahun 1999. Dalam tempoh yang sama, kadar kemiskinan di bandar turun kepada 3.8% manakala kemiskinan di luar bandar turun kepada 13.2%. Kadar kemiskinan dan jumlah isirumah miskin untuk tempoh 1990 hingga 1999 dapat dilihat di jadual 5.

Dalam tahun 1990, kadar kemiskinan keseluruhan ialah 17.1% turun kepada 9.3% pada tahun 1995, turun kepada 6.8% pada tahun 1997 dan naik semula kepada 8.1% pada tahun 1999. Kenaikan ini disebabkan oleh krisis kewangan yang melanda Malaysia pada tahun 1998. Ini menyaksikan ramai pekerja terpaksa diberhentikan dan seterusnya peningkatan kepada kadar kemiskinan di Malaysia. Pemberhentian pekerja akan dibincangkan kemudian.

Pada tahun 1990, kadar kemiskinan golongan termiskin keseluruhan ialah 4.0%, turun kepada 2.1% pada tahun 1995, turun lagi kepada 1.4% pada tahun 1997 dan kekal pada tahun 1999. Kadar kemiskinan di bandar secara keseluruhan pula adalah sebanyak 7.5% pada 1990, 4.1% pada tahun 1995, 2.4% pada tahun 1997 dan 3.8% pada tahun 1999. Kadar kemiskinan di luar bandar pula ialah 21.8% pada tahun 1990, 15.6% pada tahun 1995, 11.8% pada tahun 1997 dan 13.2% pada tahun 1999.

Jadual ini juga memperlihatkan sumbangan pekerja asing terhadap kadar kemiskinan di Malaysia. Pada tahun 1990, kadar kemiskinan bukan warganegara Malaysia pada bilangan isirumah miskin ialah 7.3%. Ini diikuti dengan 12.6% pada tahun 1995, dan 17.5% pada tahun 1997. Walaubagaimana pun, pada tahun 1999, kadar kemiskinan bukan warganegara pada bilangan isirumah miskin keseluruhan turun kepada 14.2%.

Kadar kemiskinan dikalangan kumpulan bukan warganegara menyaksikan penurunan yang ketara iaitu 35.1% pada tahun 1990 kepada 18.5% pada tahun 1995 dan diikuti dengan 13.4% pada tahun 1997. Namun begitu, kadar kemiskinan di kalangan kumpulan bukan warganegara naik kepada 16.0% pada tahun 1999.

Kadar kemiskinan golongan termiskin (yang dianggarkan berasaskan kurang atau sama dari separuh pendapatan garis kemiskinan) pada bilangan isirumah golongan termiskin keseluruhan ialah 4.2% pada tahun 1990, naik kepada 6.0% pada tahun 1995, diikuti 7.6% pada 1997 dan naik lagi kepada 9.9% pada tahun 1999. Ini menunjukkan bahawa pekerja asing telah semakin bertambah menjadi sebahagian daripada penyumbang kemiskinan di Malaysia. Di dalam Rancangan Malaysia ke-8, kerajaan hanya memfokuskan kepada strategi untuk membasmi kemiskinan dikalangan warganegara Malaysia sahaja, tidak kepada bukan warganegara. Langkah-langkah turut diperlukan untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekerja asing di Malaysia.

4. Kesan Krisis Kewangan kepada Pekerja Asing dan Kadar Kemiskinan

Krisis kewangan yang dilanda oleh Malaysia pada tahun 1998 sudah semestinya akan menyebabkan kadar kemiskinan (termasuk jumlah dan golongan termiskin) bertambah pada tahun tersebut. Namun begitu, tiada data yang diterbitkan bagi tahun tersebut.

Kesan krisis tersebut kepada kemiskinan di Malaysia boleh dilihat di dalam jadual 6. Maklumat ini diperolehi dari laporan Kementerian Sumber Manusia dalam The New Straits Times pada 17 November 1998 (Ishak Shari dan Abdul Rahman Embong, 1998).

Ishak Shari dan Abdul Rahman Embong (1998) menyatakan bahawa jadual tersebut tidak dapat memberikan gambaran yang tepat mengenai keseriusan masalah yang digambarkan. Ini adalah kerana sebahagian daripada jumlah tersebut merupakan pekerja asing. Menurut Laporan Pasaran Buruh (1998), daripada jumlah 83,865 orang pekerja yang diberhentikan pada tahun 1998, 11% (8,966) adalah pekerja asing. Ini tidak termasuk pekerja asing yang tidak berdaftar terutamanya pekerja asing yang berkerja di sektor pembinaan. Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid menyatakan bahawa statistik kementerian menunjukkan bahawa setiap pekerja yang sah, ada seorang pekerja yang tidak sah atau bekerja secara haram (Nanyang Siang Pau, 15 Jun 2004). Maka dengan itu masalah kemiskinan di Malaysia berkemungkinan bertambah dengan seriusnya.

Jadual 6
Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor, 1996-1998

Tahun	Jumlah	% Perubahan
1996	7,773	
1997	18,863	143
1998	83,865	345
1998		
Pertanian	5,108	6.1
Perlombongan	877	1.1
Perkilangan	45,151	53.8
Pembinaan	9,334	11.1
Elektrik, gas dan air	1	0.0
Pengangkutan dan perhubungan	2,007	2.4
Borong dan runcit, hotel dan restoran	10,434	12.4
Kewangan, insuran, hartanah dan khidmat perniagaan	6,596	7.9
Khidmat social	4,242	5.1
Lain-lain	115	0.1
Jumlah	83,865	100.0

Sumber : Malaysia, 1999

Ini dapat menjelaskan mengenai penurunan kadar kemiskinan pekerja asing di Malaysia pada bilangan isirumah miskin keseluruhan. Pada tahun 1995 dan 1997, pekerja asing menyumbangkan sebanyak 12.6% dan 17.5% setiap satu kepada bilangan isirumah miskin keseluruhan. Pada 1999, ianya turun kepada 14.2%. Ini adalah disebabkan penghantaran pulang pekerja-pekerja asing ke negara-negara asal mereka disebabkan kegawatan ekonomi.

Walaubagaimanapun, perlu diperhatikan bahawa kadar kemiskinan golongan termiskin pada bilangan isirumah golongan termiskin keseluruhan bagi pekerja asing telah bertambah dari 6.0% pada tahun 1995 kepada 9.9% pada tahun 1999. Ini menunjukkan semakin ramai pekerja asing yang berpendapatan sama atau kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan.

5. Kesimpulan dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kertas ini cuba melihat sejauhmana sumbangan pekerja asing terhadap kemiskinan di Malaysia. Walaupun pekerja asing menunjukkan peratusan yang kecil sahaja kepada kemiskinan di Malaysia, tetapi ianya bererti dan perlulah diawasi supaya tidak menjadi lebih serius. Secara umumnya, dapat diketahui bahawa kadar kemiskinan pekerja asing kepada bilangan isirumah miskin di Malaysia meningkat setiap tahun tetapi turun semula selepas krisis (1999).

Walaupun terdapat data-data yang menunjukkan peningkatan sumbangan pekerja asing terhadap kemiskinan di Malaysia, kajian-kajian yang lebih terperinci patut dilakukan untuk mengenalpasti tahap keseriusan masalah-masalah tersebut.

Antara kajian yang dicadangkan termasuk melihat sejauhmana pendapatan garis kemiskinan boleh digunapakai kepada pekerja asing di Malaysia. Dalam kajian yang dilakukan oleh Moha (2003) keatas pekerja asing di Pulau Pinang, beliau mengatakan lebih 50% daripada pendapatan (gaji) pekerja asing, iaitu dianggarkan RM400 sebulan, mampu dikirimkan kepada keluarga di negara asal. Kajian beliau juga mendapati setiap tahun kira-kira RM2.5 juta dibawa keluar ke negara jiran melalui kiriman pos (tidak termasuk kiriman cara lain) oleh pekerja-pekerja asing ini. Justeru itu, satu kajian lain perlulah dilakukan untuk mengkaji sejauhmana kesesuaian PGK ini kepada pekerja asing tersebut.

Ini adalah kerana pendapatan garis kemiskinan di ambil dari purata saiz isirumah iaitu seramai 5 orang padahal warganegara asing/pekerja asing yang datang ke Malaysia selalunya adalah bersendirian. Pendapatan yang diperolehi kebanyakannya disimpan untuk di hantar pulang ke negara asal dan sudah semestinya pekerja asing ini tidak memerlukan kehidupan yang mewah berbanding dengan orang tempatan. Oleh itu adakah mereka ini boleh di kategorikan sebagai miskin?

Rujukan

- Bank Negara Malaysia, (1997), Laporan Tahunan, Kuala Lumpur.
- Diana Wong dan T.Afrizal T.Anwar, (2003), "Migran Gelap: Indonesian Migrants in Malaysia's Irregular Labor Economy, Unauthorized Migration in Southeast Asia", Scalabrini Migration Center, Philippines, page 167-227
- Ishak Shari dan Abdul Rahman Embong, (1998), "Rapid Participatory Assessment of the Social Impact of the Financial and Economic Crisis in Malaysia", Draf Laporan Akhir disediakan untuk The United Nations Development Program Regional Bureau for Asia and the Pacific (UNDP/RBAP), 14 Disember.
- Jabatan Imigresen Malaysia, (2001),
http://www.kdn.gov.my/bmalaysia/mejabantuan/pengambilan_pekerja_indonesia.html
- _____ (1997), Bulletin Imigresen, Kuala Lumpur.
- _____ (1998), Laporan Tahunan, Kuala Lumpur.
- Jabatan Perangkaan Malaysia : Data "Gender of Workers (Local/Foreign) by Occupation Categories, 1988 – 1999.
- Labour Market Report 1998, Ministry of Human Resources.
- Malaysia, (1996), Rancangan Malaysia ke Tujuh, 1996-2000, Percetakan Nasional Malaysia Bhd, Kuala Lumpur.
- _____ (1999), Mid-Term Review Seventh Malaysia Plan, 1996-2000, Percetakan Nasional Malaysia Bhd, Kuala Lumpur.
- _____ (2001), Rancangan Malaysia ke Lapan, 2001-2005, Percetakan Nasional Malaysia Bhd, Kuala Lumpur.
- Moha Asri Haji Abdullah, (2003),
<http://www.lib.usm.my/bpp/New%20Folder/moha.html>.
- Nanyang Siang Pau, (2004) 15 Jun.
- Ragayah Haji Mat Zin, (2002a), "The Asian Financial Crisis and Its Impact on Poverty and Inequality in Malaysia, IKMAS Working Paper Series, No. 23, March.
- _____ (2002b), "Income Distribution and Poverty Eradication in Malaysia: Where Do We Go from Here?", Pembentangan kertas pada International Conference on Globalisation, Culture and Inequalities: In honour of the Work of the Late Prof Dr. Ishak Shari (1948-2001), 19-21 Ogos 2002, UKM.
- World Bank, (1995), "Malaysia: Meeting Labor Needs, More Workers and Better Skills", Washington, D.C.
- Utusan Malaysia, (2004), "Kaji Semula Definisi Kemiskinan", mukasurat 7, 12 Mei.
- _____ (2004), Pendapatan Garis Kemiskinan, mukasurat 15, 4 Mei.

Jadual 1
Kemasukan Pendatang ke Malaysia Mengikut Negara Asal dan Pekerjaan, 1992

Negara Asal	Perkerjaan				
	Pekerja Tempatan	Perladangan	Pembinaan	Jumlah	Peratus (%)
Asia Tenggara				342,226	91.930
Indonesia	39,087	88,681	182,137	309,905	83.240
Thailand	3,563	14,029	4,926	22,518	6.050
Myanmar	99	500	8,790	9,389	2.520
Filipina	177	5	289	411	-
Singapura	-	-	2	2	-
Brunai	-	-	1	1	-
Asia Selatan				29,869	8.020
Bangladesh	59	2,494	16,247	18,804	5.050
India	147	395	7,885	8,427	2.260
Pakistan	5	85	1,699	1,789	0.480
Sri Lanka	17	15	625	657	0.180
Nepal	-	-	191	191	0.050
Meldives	-	-	1	1	-
Asia Timur				1	
Taiwan	-	-	1	1	-
Africa	-	-	-	124	0.030
Nigeria	1	-	66	67	-
Ethiopia	1	2	8	11	-
Ghana	-	-	11	11	-
Swaziland	-	-	11	11	-
Botswana	-	-	6	6	-
Zaire	-	-	4	4	-
Sudan	2	-	1	3	-
Tanzania	1	-	2	3	-
Djibouti	-	-	2	2	-
Madagascar	-	1	1	2	-
Sierra Leone	-	-	2	2	-
Cameroon	-	-	1	1	-
Rhodesia	-	1	-	1	-
Lain-lain	11	9	28	48	0.012
Jumlah	43,109	106,222	222,937	372,268	-
%	11.58	28.53			100

Source : Jabatan Imigresen Malaysia, Kuala Lumpur, 1993

Jadual 5:
Kadar Kemiskinan dan Bilangan Isirumah Miskin
1990, 1995, 1997 dan 1999

		1990 ¹			1995 ²			1997 ²			1999		
		Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
Bukan Warganegara Malaysia													
Kadar Kemiskinan Keseluruhan	(%)	7.3	8.0	7.1	12.6	15.6	11.7	17.5	19.3	17.1	14.2	15.5	13.8
Kadar Kemiskinan ³	(%)	35.1	21.3	40.0	18.5	11.6	24.6	13.4	6.0	20.1	16.0	9.0	22.6
Bilangan Isirumah Miskin	('000)	44.9	7.1	37.8	52.7	15.5	37.2	58.2	12.5	45.7	58.2	15.9	42.3
Kadar Kemiskinan Golongan Termiskin Keseluruhan ⁴	(%)	4.2	4.9	4.1	6.0	7.8	5.4	7.6	13.1	6.3	9.9	13.5	8.9
Kadar Kemiskinan Golongan Termiskin ³	(%)	4.7	2.4	5.5	2.0	1.3	2.6	1.2	0.8	1.6	2.0	1.2	2.6
Bilangan Isirumah Golongan Termiskin	('000)	6.0	0.8	5.2	5.6	1.7	3.9	5.1	1.6	3.5	7.0	2.1	4.9
Jumlah Isirumah	('000)	128.0	33.4	94.6	285.4	133.9	151.5	435.9	210.3	225.6	365.5	177.9	187.6
Keseluruhan ⁵													
Kadar Kemiskinan	(%)	17.1	7.5	21.8	9.3	4.1	15.6	6.8	2.4	11.8	8.1	3.8	13.2
Bilangan Isirumah Miskin	('000)	619.4	89.1	530.3	418.3	99.3	319.0	332.4	64.9	267.5	409.3	102.7	306.6
Kadar Kemiskinan Glongan Termiskin ⁴	(%)	4.0	1.4	5.2	2.1	0.9	3.5	1.4	0.5	2.4	1.4	0.6	2.4
Bilangan Isirumah Golongan Termiskin	('000)	143.1	16.3	126.8	94.0	21.8	72.2	67.5	12.2	55.3	71.1	15.6	55.5
Jumlah isirumah	('000)	3614.6	1182.7	2431.9	4497.7	2449.7	2048.0	4924.0	2660.1	2263.9	5047.0	2725.9	2321.1

Nota:

¹ Berasaskan pada tahun 1989

² Dikaji semula berasaskan data penduduk isirumah terkini

³ Dalam kumpulan bukan warganegara

⁴ Dianggarkan separuh pendapatan garis kemiskinan (PGK)

⁵ Termasuk warganegara

Sumber: Bahagian keseluruhan diambil dari Rancangan Malaysia ke-7 dan Rancangan Malaysia ke-8, manakala bahagian bukan warganegara adalah dari pengiraan penulis sendiri dari sumber yang sama